

FAKTA PENTING

- Berasaskan tahun ke tahun, eksport mencatatkan peningkatan sebanyak RM6.6 bilion (+10.0%) kepada RM73.1 bilion. Eksport semula pada Jun 2017 yang bernilai RM9.7 bilion menyumbang 13.2% daripada jumlah eksport. Eksport domestik meningkat lebih tinggi sebanyak RM7.6 bilion (+13.6%) kepada RM63.4 bilion.
- Berasaskan tahun ke tahun, import juga mencatatkan peningkatan sebanyak RM2.3 bilion (+3.7%) kepada RM63.2 bilion.
- Berasaskan bulan ke bulan, eksport jatuh RM6.3 bilion (-8.0%) daripada RM79.4 bilion. Dalam terma pelarasan musim, eksport menurun 9.2%.
- Berasaskan bulan ke bulan, import juga menurun RM10.7 bilion (-14.5%) daripada RM73.9 bilion. Dalam terma pelarasan musim, import jatuh 14.4%.
- Berasaskan tahun ke tahun, eksport meningkat disebabkan oleh kenaikan eksport ke China (+RM2.1 bilion), Jepun (+RM1.2 bilion), Singapura (+RM893.0 juta), Kesatuan Eropah (+RM657.7 juta) dan Republik Korea (+RM599.6 juta).
- Berasaskan tahun ke tahun, import yang tinggi terutamanya daripada Amerika Syarikat (+RM728.9 juta), India (+RM700.7 juta), Taiwan (+RM692.3 juta), Switzerland (+RM463.9 juta) dan Thailand (+RM349.6 juta).

PERDAGANGAN

Jumlah perdagangan pada Jun 2017 bernilai RM136.3 bilion meningkat RM8.9 bilion atau 7.0% berbanding setahun yang lalu. Walau bagaimanapun, ia mencatatkan penurunan sebanyak RM17.1 bilion atau 11.1% berbanding bulan sebelumnya. Pada bulan Jun 2017, lebih dagangan sebanyak RM9.9 bilion mencatatkan peningkatan yang sama sebanyak RM4.4 bilion atau 79.0% mengikut tahun ke tahun dan bulan ke bulan.

EKSPORT

Berasaskan tahun ke tahun, eksport berkembang 10.0% daripada RM66.4 bilion. Produk-produk utama yang menyumbangkan kepada peningkatan ini adalah:

- Barangan elektrik dan elektronik (38.3% daripada jumlah eksport), meningkat RM3.7 bilion (+15.1%) kepada RM28.0 bilion;

Nota: # Data bulan Jun 2017 adalah provisional dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.

- Gas asli cecair yang menyumbang 5.4% kepada jumlah eksport, meningkat RM2.0 bilion atau 97.3% kepada RM4.0 bilion disebabkan oleh peningkatan dalam kedua-dua nilai purata seunit (+55.4%) dan volum eksport (+27.0%);
- Minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (8.5% daripada jumlah eksport), merekodkan peningkatan RM845.7 juta (+15.8%) kepada RM6.2 bilion. Eksport minyak kelapa sawit, iaitu komoditi utama daripada kumpulan produk ini naik RM524.1 juta atau 16.5% disebabkan oleh peningkatan dalam kedua-dua volum eksport (+8.2%) dan nilai purata seunit (+7.6%); dan
- Getah asli yang menyumbang 0.4% kepada jumlah eksport, meningkat RM34.6 juta atau 11.8% kepada RM328.8 juta disebabkan oleh kenaikan dalam nilai purata seunit (+28.4%) walaupun volum eksport turun 12.9%.

Walaupun bagaimanapun, penurunan dicatatkan bagi produk-produk berikut:

- Keluaran petroleum bertapis, yang menyumbang 5.0% daripada jumlah eksport, menyusut RM679.4 juta atau 15.7% kepada RM3.7 bilion disebabkan oleh kejatuhan dalam volum eksport (-31.0%) walaupun nilai purata seunit meningkat 22.2%;
- Kayu dan hasil keluaran kayu (2.4% daripada jumlah eksport), jatuh RM67.1 juta (-3.7%) kepada RM1.7 bilion; dan
- Petroleum mentah yang menyumbang 2.6% kepada jumlah eksport, menurun RM19.9 juta atau 1.0% kepada RM1.9 bilion disebabkan oleh kejatuhan dalam volum eksport (-9.2%) walaupun nilai purata seunit naik 9.0%.

Berasaskan bulan ke bulan, eksport menurun RM6.3 bilion (-8.0%) daripada RM79.4 bilion. Produk-produk utama yang menyumbang kepada kejatuhan ini adalah:

- Keluaran petroleum bertapis menurun RM2.8 bilion atau 43.6% daripada RM6.5 bilion disebabkan oleh kejatuhan dalam kedua-dua volum eksport (-43.4%) dan nilai purata seunit (-0.3%);
- Minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit menurun RM626.9 juta atau 9.2% daripada RM6.8 bilion. Eksport minyak kelapa sawit jatuh RM497.7 juta (-11.9%) disebabkan oleh penurunan dalam volum eksport (-12.8%) walaupun nilai purata seunit naik 1.0%;

- Barangan elektrik dan elektronik jatuh RM617.0 juta atau 2.2% daripada RM28.6 bilion;
- Kayu dan hasil keluaran kayu menurun RM269.3 juta atau 13.3% daripada RM2.0 bilion;
- Petroleum mentah menyusut RM232.9 juta atau 10.9% daripada RM2.1 bilion disebabkan oleh penurunan dalam kedua-dua nilai purata seunit (-5.9%) dan volum eksport (-5.4%); dan
- Getah asli mencatatkan pengurangan RM85.0 juta atau 20.5% daripada RM413.8 juta disebabkan oleh kejatuhan dalam kedua-dua nilai purata seunit (-10.9%) dan volum eksport (-10.9%).


Walaupun bagaimanapun, produk berikut mencatatkan peningkatan iaitu:

- Gas asli cecair naik RM2.0 bilion atau 104.8% daripada RM1.9 bilion disebabkan oleh peningkatan dalam volum eksport (+107.0%) walaupun nilai purata seunit jatuh 1.0%.

Data Pelarasan Musim

Berdasarkan terma pelarasan musim bulan ke bulan, eksport jatuh RM7.6 bilion (-9.2%) kepada RM75.1 bilion.

Eksport, 2013-2017



IMPORT

Berasaskan tahun ke tahun, import meningkat 3.7% daripada RM60.9 bilion. Pertumbuhan ini adalah disumbangkan oleh import barangan perantaraan dan barangan modal.

- **Barangan Perantaraan**

Barangan perantaraan yang menyumbang 60.5% daripada jumlah import meningkat RM3.6 bilion (+10.3%) kepada RM38.2 bilion. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh alat ganti & aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) (+RM2.3 bilion, +17.1%), bekalan perindustrian, diproses (+RM832.6 juta, +6.2%), bekalan perindustrian, utama (+RM360.9 juta, +30.0%) dan makanan & minuman, diproses, khusus untuk industri (+RM204.1 juta, +26.9%).

- **Barangan Modal**

Import barangan modal yang mewakili 13.0% daripada jumlah import meningkat RM45.7 juta atau 0.6% kepada RM8.2 bilion disebabkan oleh kenaikan dalam alat kelengkapan pengangkutan, perindustrian (+RM31.0 juta, +3.5%) dan barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) (+RM14.8 juta, +0.2%).

- **Barangan Penggunaan**

Import barangan penggunaan yang menyumbang 8.9% daripada jumlah import menurun RM310.3 juta (-5.2%) kepada RM5.6 bilion. Produk-produk utama yang menyumbang kejatuhan ini adalah barangan separa tahan lama (-RM143.2 juta, -10.3%), barangan tahan lama (-RM107.2 juta, -13.0%) dan makanan & minuman, utama, khusus untuk penggunaan isirumah (-RM68.9 juta, -8.4%).

Berasaskan bulan ke bulan, import jatuh 14.5% daripada RM73.9 bilion. Pengurangan import ini disumbangkan oleh barangan perantaraan, barangan modal, dan barangan penggunaan.

- **Barangan Perantaraan**

Barangan perantaraan turun RM4.1 bilion (-9.6%) daripada RM42.3 bilion. Komponen utama yang mencatatkan penurunan ini adalah bekalan

perindustrian, diproses (-RM1.8 bilion, -11.2%), bahan api & pelincir, diproses, lain-lain (-RM1.3 bilion, -46.3%), alat ganti & aksesori kelengkapan pengangkutan (-RM431.9 juta, -16.1%) dan alat ganti & aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) (-RM300.9 juta, -1.9%).

- **Barangan Modal**

Import barangan modal menurun RM1.7 bilion atau 16.8% daripada RM9.9 bilion disebabkan oleh kejatuhan dalam barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) (-RM1.4 bilion, -15.7%) dan alat kelengkapan pengangkutan, perindustrian (-RM288.1 juta, -24.1%).


- **Barangan Penggunaan**

Import barangan penggunaan jatuh RM1.0 bilion (-15.6%) daripada RM6.7 bilion. Kejatuhan ini disumbangkan oleh makanan & minuman, diproses, khusus untuk penggunaan isirumah (-RM312.8 juta, -18.2%), barangan separa tahan lama (-RM292.5 juta, -19.0%), makanan & minuman, utama, khusus untuk penggunaan isirumah (-RM159.8 juta, -17.5%) dan barangan tidak tahan lama (-RM158.3 juta, -10.0%).

Data Pelarasan Musim

Berdasarkan terma pelarasan musim bulan ke bulan, import menurun RM10.6 bilion (-14.4%) kepada RM63.0 bilion.


Import, 2013-2017




PASARAN PERDANGANGAN

Carta di bawah menunjukkan rakan dagangan utama Malaysia pada Januari – Jun 2017.

Jumlah Perdagangan mengikut Negara Utama, Jan-Jun 2017, peratus pembahagian




Eksport dan Import mengikut Negara Utama, Jan- Jun 2017, peratus pembahagian



Carta di bawah menunjukkan perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN bagi Januari- Jun 2017.

Eksport, Jan- Jun 2017, peratus pembahagian



Import, Jan – Jun 2017, peratus pembahagian

